



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

ATRIBUT KEJAYAAN GRADUAN

UHMT1012 SEKSYEN 10

TUGASAN 2

**ESEI TENTANG ISU SEMASA YANG BERLAKU DI
SELURUH DUNIA (ISU DEMAM DENGGI)**

NAMA PELAJAR : SERENE HOE

NO MATRIK : A20BE0269

NO TELEFON : 012-7327578

TAHUN KURSUS : 2020/2021

NAMA PENSYARAH : DR. SYAMSUL HENDRA BIN MAHMUD

ISU DEMAM DENGGI YANG BERLAKU DI SELURUH DUNIA

Tujuan saya memilih tajuk ini adalah disebabkan oleh isu demam denggi semakin meningkat di seluruh dunia dan sukar untuk ditangani. Demam denggi juga dapat dilihat dalam kehidupan kita dengan adanya kes penduduk setempat menjadi mangsa demam denggi. Demam denggi adalah penyakit yang dapat mengakibatkan maut dan tiada ubat-ubatan yang khusus untuk merawat sehingga hari ini. Pihak berkuasa akan segera menjalankan aktiviti semburan kabus di kawasan kediaman yang terdapat kes demam denggi. Di Asia tropika dan subtropika, hampir semua negara melaporkan peningkatan masalah denggi (World Health Organization, 2012). Isu demam denggi telah menjadi bualan masyarakat yang popular dan diambil perhatian oleh pemimpin seluruh dunia.

Demam denggi adalah sejenis penyakit berbahaya yang merebak melalui gigitan nyamuk *Aedes betina*. Pembawa kepada demam denggi adalah terdiri daripada dua jenis nyamuk iaitu *aedes aegypti* dan *aedes albopictus*. Nyamuk yang menjangkiti virus denggi dapat menyebarkan virus seumur hidupnya. Menurut Ahmad Lokman Mansor (2020), banyak negara berisiko tinggi dalam penyakit demam denggi seperti Indonesia, Kemboja, Malaysia, Singapura, Thailand dan sebagainya. Penyakit ini sangat berbahaya kerana akan mengakibatkan maut dan pesakit boleh dijangkiti lebih dari sekali. Pesakit akan mula mengalami demam panas, sakit kepala, muntah dan sakit di bahagian tulang belakang. Pesakit akan bertambah buruk apabila terdapat radangan di salur darah menyebabkan isi padu darah berkurang (Dr Jasvinder Kaur, 2012). Pesakit perlu dimasukkan ke wad untuk mendapatkan rawatan demam denggi berdarah. Oleh itu, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya demam denggi dan cara-cara untuk mencegah demam denggi.

Persekitaran kotor merupakan salah satu faktor penyumbang isu demam denggi. Pembiakan wabak penyakit ini adalah berkaitan dengan tabiat membuang sampah merata-rata dan ketidakcekapan mengurus sampah (Dr. Mohd Feros Bin Alias, 2016). Bekas polisterin, tin minuman, plastik berisiko menyebabkan air bertakung sekali gus membolehkan nyamuk tersebut membiak. Nyamuk *aedes* memerlukan kawasan yang mempunyai air bertakung untuk bertelur. Peningkatan penduduk menggunakan bahan plastik, membuang tayar lama, dan pasu-pasu terbiar boleh menyebabkan nyamuk

bertelur dan membiak. Hal ini menyebabkan masyarakat berisiko tinggi menghadapi penyakit demam denggi akibat kegagalan menjaga kebersihan persekitaran. Pembiakan nyamuk berlaku di tempat-tempat teduh dengan kehadiran sinaran matahari selain kehadiran air yang bertakung. Nyamuk juga suka berkumpul di bilik gelap, contohnya dalam bawah katil, kolam kecil mengumpul najis manusia dan bilik air (Noisakran & Perng, 2008). Air hujan yang terdapat di atas bumbung rumah akan menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes. Hal ini kerana penduduk tidak menguruskan air yang bertakung di atas bumbung rumah dan membiarkannya dalam tempoh panjang.

Faktor lain yang menyebabkan berlakunya penyakit demam denggi adalah disebabkan oleh fenomena El-Nino. Berdasarkan Mohd Zin Ali (2016) menyatakan bahawa fenomena El-Nino menyebabkan cuaca panas, kering, suhu tinggi dan dikatakan penyumbang peningkatan kes demam denggi. Kitaran hidup nyamuk Aedes menjadi semakin cepat dan kurang tujuh hari daripada peringkat telur ke peringkat dewasa. Nyamuk aedes lebih aktif semasa cuaca panas dan menyebabkan virus tersebar cepat ke banyak kawasan. Nyamuk Aedes menggemari bertelur dan membuat pembiakan di kawasan bersemak-samun atau padang rumput. Banyak remaja suka melakukan aktiviti riadah di luar rumah seperti di padang pada waktu petang dan menyebabkan remaja mudah menjadi mangsa nyamuk aedes. Suhu yang tinggi akan meningkatkan frekuensi nyamuk untuk menggigit mangsa sepanjang tempoh tersebut. Fenomena El-Nino menyebabkan banyak kawasan berlakunya kejadian kemarau dan kehilangan bekalan air. Fenomena El-Nino berlaku apabila tekanan dan suhu meningkat secara mendadak menyebabkan aras laut rendah dan cuaca menjadi kering (Klein et.al, 1999). Penduduk terpaksa menampung bekalan air yang banyak untuk menjalani kehidupan harian semasa musim kemarau. Hal ini menyebabkan air bertakung di dalam tong air dalam tempoh panjang dan nyamuk Aedes mendapatkan tempat untuk pembiakan.

Faktor seterusnya yang merupakan penyumbang masalah demam denggi adalah kurangnya pengetahuan masyarakat mengenai cara menangani nyamuk aedes. Masyarakat tidak menyedari bahawa mereka menternak nyamuk tersebut kerana membuang sampah sarap tanpa pengurusan yang cekap. Sampah yang dibuang tidak terikat dengan ketat dan berlubang memberikan peluang kepada nyamuk aedes untuk

membangkitkan. Menurut Mohd Zin Ali (2016) menyatakan bahawa pengetahuan masyarakat tentang nyamuk aedes adalah penting untuk mengawal penyakit demam denggi. Melalui kajian yang didapati, hanya 50 peratus masyarakat mengetahui tentang masalah nyamuk aedes. Masyarakat selalu berada di luar rumah untuk tujuan bekerja dan belajar pada waktu siang. Masyarakat perlu mengurangkan aktiviti di luar rumah kerana nyamuk aedes aktif pada waktu subuh dan senja (Suryati Mohd Nor, 2020). Waktu aktif nyamuk aedes adalah berlainan dengan nyamuk lain yang bertindak pada waktu malam. Masyarakat juga gagal peranan dalam kawasan kediaman dengan tidak menjalankan aktiviti pembersihan pada masa tetap. Penduduk tidak membersihkan kawasan kediaman yang bersemak-samun dan longkang yang telah tersumbat. Hal ini menyebabkan nyamuk aedes membiak di kawasan tersebut dan meningkatkan masalah demam denggi. Masyarakat juga tidak memberi kerjasama terhadap pihak kerajaan dalam aktiviti semburan kabus untuk mengawal nyamuk aedes. Hal ini kerana masyarakat masih tidak menyedari bahawa kepentingan mencegah demam denggi. Oleh itu, isu demam denggi perlu dicegah melalui langkah-langkah yang berkesan.

Langkah yang boleh diambil untuk mencegah penyakit demam denggi adalah memusnahkan tempat pembiakan nyamuk. Nyamuk suka membiak di kawasan yang bertakung air seperti bekas plastik, bekas menyimpan air dan tayar lama. Air yang bertakung di pinggan-pinggian alas pasu bunga perlu dibuang dan digosok sehingga bersih untuk memusnahkan telur nyamuk. Orang ramai diminta supaya mempertingkatkan tahap kebersihan di kawasan kediaman terutamanya tempat yang berisiko untuk pembiakan nyamuk (Nurul Huda Husain, 2020). Penduduk boleh memasukkan ubat pembunuh jentik-jentik ke dalam bekas yang menyimpan air dengan sukatan yang betul. Ubat pembunuh ini dapat menghapuskan populasi nyamuk dengan berkesan. Bekas minuman haiwan peliharaan perlu sentiasa menukar, air bertakung tidak dibiarkan terlalu lama dan elakkan mengisi air yang banyak (Dayana Sobri, 2020). Bekas tadahan hujan dan tangki air sentiasa ditutup dengan penutup dan dikeringkan selepas digunakan. Bekas yang tidak digunakan perlulah dikumpulkan bersama dan membuang ke dalam tong sampah agar tidak membawa pembiakan nyamuk. Kolam ikan boleh membela ikan untuk mengurangkan pembiakan jentik-jentik. Ikan seperti puyu, ikan emas, ikan gapi akan membantu memusnahkan nyamuk aedes dengan memakan jentik-jentik yang terdapat dalam kolam.

Langkah seterusnya yang boleh mencegah penyakit demam denggi adalah masyarakat melindungi diri daripada gigitan nyamuk. Nyamuk aedes biasanya aktif dan menggigit pada waktu awal pagi atau lewat petang. Masyarakat hendaklah mengetahui waktu keluar nyamuk aedes untuk mengelakkan diri menjadi mangsa. Penduduk menyediakan alat-alat perlindungan yang sesuai untuk menghindarkan nyamuk aedes (Dr Tee Ah Sian et. al, 2002). Alat-alat perlindungan seperti krim penghindar nyamuk disapu pada bahagian kulit yang terdedah sekiranya hendak keluar. Penduduk juga perlu memakai pakaian yang menutupi dan berlengan panjang untuk melindungi bahagian tubuh semasa berada di luar rumah. Penduduk mengelakkan diri memakai baju gelap pada waktu siang kerana ia banyak menyerap haba daripada sinaran matahari. Hal ini kerana suhu badan yang panas akan menarik perhatian nyamuk dan digigit oleh nyamuk aedes. Penduduk boleh menggunakan bahan semula jadi untuk mencegah nyamuk aedes. Serai wangi, bawang putih dan lemon mempunyai bau yang kuat dan boleh direndam dalam air seterusnya menggunakannya untuk menyapu kulit yang terdedah. Ubat nyamuk elektrik dan ubat lingkaran nyamuk boleh digunakan dalam rumah masing-masing untuk mengelakkan diri daripada gigitan nyamuk pada waktu malam. Penduduk juga boleh memasang kelambu di katil dan memastikan kelambu dalam keadaan baik. Kain kelambu yang digunakan tidak terlalu nipis agar bebas daripada gigitan nyamuk.

Pendidikan kesihatan kepada masyarakat merupakan salah satu langkah untuk mencegah penyakit demam denggi. Pendidikan kesihatan boleh ditingkatkan melalui kempen kesedaran, pameran, dan ceramah oleh pihak berkuasa. Kenpen bertujuan untuk membantu dan mendidik orang ramai mencegah demam denggi (Hajah Faharna, 2017). Pendidikan kesihatan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat dan menambah ilmu pengetahuan masyarakat dalam penghapusan nyamuk aedes dengan lebih efisien di sekitar kawasan kediaman. Pihak berkuasa mempromosikan masyarakat sentiasa mengadakan aktiviti gotong royong bersama jiran tetangga untuk mencegah demam denggi melalui kempen kesedaran. Aktiviti gotong royong demi kebersihan kawasan persekitaran sangat digalakkan dalam kalangan masyarakat (Mohd Faizal Aziz et.al, 2008). Aktiviti gotong royong dapat mewujudkan persekitaran yang bersih dan penduduk bebas daripada demam denggi. Pendidikan kesihatan juga perlu dilaksanakan di peringkat sekolah agar anak-anak mengetahui tentang tabiat hidup nyamuk aedes dan menghindarkan diri daripada penyakit tersebut. Hal ini kerana

banyak kes demam denggi berlaku adalah terdiri daripada golongan kanak-kanak. Mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang nyamuk aedes dan kesan buruk yang dibawa oleh demam denggi. Melalui pendidikan kesihatan ini, masyarakat akan lebih mementingkan kesihatan sendiri dan mengamalkan budaya hidup sihat dalam kehidupan harian.

Seterusnya, langkah yang digunakan untuk mencegah demam denggi adalah peranan pihak kerajaan. Pihak berkuasa perlulah selalu melakukan aktiviti pemantauan untuk mengawal pembiakan jentik-jentik dan nyamuk aedes. Aktiviti pemantauan sering dijalankan di kawasan kediaman dan tapak binaan agar pembiakan nyamuk aedes dikesan dengan segera. Pihak berkuasa juga perlu melaksanakan aktiviti semburan kabus pada masa tetap terutamanya longkang yang tersumbat dan kawasan yang bersemak-samun. Hal ini kerana nyamuk aedes suka membiak di kawasan yang mempunyai air yang tidak mengalir. Kawalan pencegahan denggi boleh dikelaskan kepada tiga iaitu pengawalan secara biologi, kimia dan pengurusan persekitaran (Felope et.al, 2015). Tujuan aktiviti semburan kabus adalah untuk membunuh nyamuk aedes supaya kesihatan penduduk terjamin dan penyakit demam denggi dikurangkan. Alat semburan perlu berada dalam keadaan yang baik agar kerja penghapusan nyamuk aedes dijalankan dengan berkesan. Penyembur perlu dilengkapi dengan respirator lengkap, kasut but, topi dan berpakaian panjang untuk tujuan perlindungan diri (Datuk Dr. Lokman Hakim bin Sulaiman, 2017). Masyarakat juga perlu memberi kerjasama kepada pihak kerajaan semasa aktiviti semburan kabus. Penduduk menutupi bahan makanan dengan baik dan memastikan pintu bilik dalam rumah dibuka agar asap semburan dapat dikeluarkan dari rumah.

Kesimpulannya, masyarakat perlulah mengamalkan gaya hidup sihat agar masalah demam denggi dapat dikurangkan ke tahap minimum. Masyarakat sentiasa menjaga kebersihan persekitaran dan kawasan kediaman agar menghindarkan diri daripada penyakit demam denggi. Pihak kerajaan mestilah menjalankan tugas masing-masing dalam pengawalan nyamuk aedes agar masalah demam denggi dapat dikurangkan. Melalui isu demam denggi, saya dapat mengetahui bahawa masalah denggi semakin bertambah buruk dan boleh mengakibatkan seseorang kehilangan nyawa. Hal ini kerana penyakit demam denggi masih tiada vaksin yang disiap untuk merawat. Demam tinggi perlu dicegah dengan pengurusan yang cekap dan penjagaan

kebersihan persekitaran. Oleh itu, semua pihak mestilah berganding bahu untuk mencegah demam denggi agar dapat dikawal dan pembangunan negara tidak terjejas.

RUJUKAN

Ahmad Lokman Mansor, (2020, Febuari 15). Jangan abaikan denggi kerana COVID-19. *Berita Harian*.

Datuk Dr. Lokman Hakim bin Sulaiman, En. Mustafakamal bin Ibrahim, En. Topek bin Omar, Pn. Safnatul Salisa binti Ismail (2017). *Prosedur semburan residu dan semburan perimeter untuk kawalan denggi*. Dimuat turun daripada [https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Garis%20Panduan/Garis%20Panduan%20Umum\(KKM\)/Prosedur_Semburan_Residu_dan_Semburan_Perimeter_Untuk_Kawalan_Denggi.pdf](https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Garis%20Panduan/Garis%20Panduan%20Umum(KKM)/Prosedur_Semburan_Residu_dan_Semburan_Perimeter_Untuk_Kawalan_Denggi.pdf).

Dayana Sobri (2020). *17 cara hapuskan jentik-jentik dan cegah pembiakan nyamuk Aedes di rumah*. Dimuat turun daripada <https://www.iproperty.com.my/lifestyle/cara-hapuskan-jentik-jentik-dan-cegah-pembiakan-nyamuk-aedes-di-rumah-ms/>.

Dr. Mohd Feros Bin Alias (2013). *Demam denggi*. Dimuat turun daripada <http://jkns.moh.gov.my/v1/index.php/mengenai-kami/2017-03-23-07-41-27/pengetahuan>.

Dr Tee Ah Sian, Dr Satwant Singh, En Tham Ah Seng, En Jamal B. Baharudin, En Mohd Ishak Jaidin dan En Mohd Yusul (2002). *Buku Panduan Program Bebas Denggi Di Kemudahan Kesihatan*. Malaysia: Cawangan Penyakit Bawaan Vektor, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dr Jasvinder Kaur dan Dr Thahira bt. Jamal Mohammed (2012). *Demam denggi adalah sejenis penyakit jangkitan virus*. Dimuat turun daripada <http://www.myhealth.gov.my/demam-denggi/>.

Falope, O, Hanson, K., & Azliyati Azizan, (2015). Dengue and mosquito control programs: A comparative analysis. *Journal of Applied Life Sciences International* 2(1):35-48.

Hajah Faharna, (2017, September 11). Kesedaran cegah demam denggi. *Harian Metro*.

Klein, S.A., Soden, B.J., Lau, N.C. (1999). Remote Sea Surface Temperature Variations During ENSO: Evidence for a Tropical Atmospheric Bridge. *Journal of Climate*. 12: 917-932.

Mohd Faizal Aziz, Rosdiadee Nordin, Ismayadi Ismai, Hasfazilah Hassan, Ahmad Amryl (2015). Demam denggi: Demam denggi, wabak membunuh. *Majalah sains*, 36-41.

Mohd Zin Ali, (2016, Febuari 3). Sikap masyarakat punca kes denggi meningkat. *Berita Harian*.

Noisakran S, Perng G (2008). Alternate Hypothesis on the Pathogenesis of Dengue Hemorrhagic Fever (DHF)/Dengue Shock Syndrome (DSS) in Dengue Virus Infection. *Experimental Biology And Medicine* 233(4), 401-408.

Nurul Husa Husain, (2020, Jun 8). Peningkatan kes denggi merisaukan. *Sinar Harian*.

Suryati Mohd Nor, (2020, Jun 6). Takutkan Covid-19, Jangan sampai abai gigitan Aedes! Jom ambil tahu jenis dan simptom denggi. *Mstar*.

World Health Organization (2012). *Global strategy for dengue prevention and control 2012-2020 (1 st ed.) WHO, France*. Dimuat turun daripada http://apps.who.int/iris/bitstream/10655/75303/1/9789241504034_eng.pdf.